

TIGA TERPENGARUH  
FAHAMAN RADIKAL

## Pemimpin Melayu/Islam rasa kecewa

*Gesa aktiviti beliau dipantau lebih teliti dan beri asuhan lebih menyeluruh*

Oleh LINILIDIA ABDUL HAMID  
lini@sph.com.sg

PARA pemimpin Melayu/Islam semalam melahirkan rasa kecewa dan menyifatkan pengesanan tiga individu yang terpengaruh dengan fahaman radikal secara sendiri sebagai "mengejutkan dan tidak seharusnya berlaku".

Dalam reaksi mereka kepada *Berita Harian* setelah berita penangkapan itu diumumkan Kementerian Ertuhal Dalam Negeri (MHA) semalam, beberapa pemimpin Melayu/Islam merasakan tentang pertanya pemantauan lebih teliti dan bimbingan lebih menyeluruh bagi generasi muda supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan fahaman radikal.

Pengerusi Majlis Penyelaras Kumpulan-kumpulan Kegiatan Melayu Persatuan Rakyat (Mesra), Encik Mustafa Abu Bakar, berkata beliau kecewa dengan kejadian itu kerana selama ini pemerintah serta masyarakat telah berusaha gigih untuk mengelakkan perkara seperti ini daripada berulang.

### Mindef, SAF akan terus kekal tahap berjaga-jaga

TERDAPAT proses dan sistem keselamatan yang memantau dan mengelakkan potensi ancaman keselamatan di peringkat nasional.

Demikian menurut Kementerian Pertahanan (Mindef) dalam kenyataannya semalam sebagai respons kepada media tentang penangkapan Muhammad Fadil Abdul Hamid di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipengaruhi fa-

haman radikal secara sendiri.

"Mindef dan SAE (Angkatan Bersenjata Singapura) adalah sebahagian daripada sistem nasional dan akan terus mengekalkan tahap berjaga-jaga yang tinggi terhadap sebarang potensi ancaman yang mungkin timbul," kata Mindef.

Menurut Mindef, Fadil, 20 tahun, adalah seorang anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepenuh masa dan

sedang menjalani latihan ketua bahagian (*section leader*) di Kem Pasir Laba dekat Tuas semasa ditangkap pada 4 April lalu.

Sebelum menjalani NS September tahun lalu, dia belajar di sebuah politeknik tetapi tidak menamatkan pengajiannya.

Siasatan menunjukkan kes itu melibatkan seorang individu yang memilih jalan salah, kata Mindef.

"Insiden terbaru ini mengajar kita bahawa masih banyak yang perlu dilakukan dan kita tidak boleh ambil mudah tentang keselamatan negara.

"Ia juga menyedarkan kita bahawa masih terdapat kelemahan yang memerlukan usaha semua pihak, bukan setakat Muis (Majlis Ugama Islam Singapura) dan para asatizah sahaja," ujarnya.

Pandangannya itu disokong Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Dr Eatimah Lateef.

Menurutnya, sedang Muis mengukuhkan lagi proses pentauliah-an asati-

zah, pemantauan lebih teliti terhadap asatizah yang tidak bertauliah juga harus dilakukan.

"Komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak juga amat penting supaya mereka dapat memantau jika anak-anak menunjukkan sebarang kelakuan luar biasa dan menyedari apa yang berlaku dalam kehidupan anak mereka," ujarnya.

Sementara itu, sesetengah pemimpin Melayu/Islam juga melahirkan rasa terkejut kerana masalah tersebut timbul semula setelah lama reda.

Menurut Presiden Persatuan Ta-

man Pengajian Islam Singapura (Pertapis), Haji Hussaini Abdullah, beliau merasakan ada hikmah di sebalik apa yang berlaku.

"Saya agak terperanjat kerana merasakan perkara sebegini sudah lama kendur. Tapi ternyata ia masih berlaku. Ini menunjukkan bahawa kita harus sentiasa berwaspada," ujarnya.

Hal itu dipersetujui Presiden Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM), Haji Wan Hussin Zoolri.

"Saya menyangka masalah ini sudah dikawal oleh pemerintah. Namun daripada apa yang berlaku, kita seka-

rang sedar usaha mengekang penganasan adalah usaha berterusan dan ia boleh timbul semula pada bila-bila masa," ujarnya.

Tambah beliau lagi, anak-anak muda Islam di Singapura seharusnya dilengkapi dengan asas agama yang kukuh dan rasional agar tidak mudah terpengaruh dengan fahaman radikal.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bertindak Ginjal bagi Masyarakat Islam (MKAC), Encik Ameerah Abdeali, berkata rakyat harus memainkan peranan dalam mengekang penularan fahaman radikal.

"Kita harus selidik jika para asatizah yang mengajar anak-anak kita adalah mereka yang mendapat pentauliah-an daripada Muis. Selain itu, teliti apa yang diajarkan para asatizah itu kepada anak-anak kita," ujarnya.

Anggota Parlimen GRC Hong Kah, Encik Zaqy Mohamad, merasakan bahawa perkara utama yang harus diberikan perhatian ialah membimbing beliau ke jalan yang betul.

"Belia masa kini lebih banyak mengembara dan mampu mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Internet pula adalah satu sumber yang sukar dikawal penggunaannya.

"Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memantau siapa-kah yang memberikan maklumat tentang agama Islam kepada anak-anak mereka," kata Encik Zaqy.